



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Rugi RM5,700 diperdaya Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 16 December 2020

Language: Malay
Section: Negara
Page: 14



MANGSA
diperdaya selepas
menerima panggilan
daripada seorang wanita
yang menyamar pegawai
LHDN kelmarin.
- GAMBAR
HIASAN

Rugi RM5,700 diperdaya Macau Scam

ROMPIN – Panik diugut kononnya akan ditangkap kerana tunggakan cukai syarikat, seorang peladang kerugian RM5,700 selepas diperdaya sindiket Macau Scam.

Kejadian berlaku selepas mangsa berusia 25 tahun berkenaan dihubungi seorang wanita yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Super-

intendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, suspek memaklumkan mangsa tidak membayar cukai RM38,600.

"Mangsa menafikan maklumat yang diberi sebelum dihubungi seorang lagi individu yang menyamar sebagai pegawai polis dan memintanya untuk membuat laporan penafian kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

"Talian disambungkan kepada BNM. Mangsa yang panik diminta

menyerahkan nombor kad bank berserta kata laluan dan nombor kod pengesahan transaksi ('TAC),' ujarnya.

Tambah beliau lagi, sejeurus tamat perbualan tersebut, mangsa terus menghubungi pihak bank untuk menyemak baki akaun dan mendapati RM5,700 telah lesap.

Mangsa membuat laporan di Balai Polis Kuala Rompin semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.